

AACSB Umum Transformasi Jenama, Menandakan Era Pendidikan Perniagaan Baharu

Pelancaran jenama AACSB baharu perkukuh matlamat organisasi dan menginspirasi pendidik, perniagaan dan pelajar mengadaptasi dan memimpin dunia yang berubah-ubah.

Hari ini, AACSB International ([AACSB](#)), rangkaian pendidikan perniagaan global terbesar di dunia, melancarkan wajah baharu demi masa depan pendidikan perniagaan melalui pengenalan identiti jenama yang baharu.

Pengumuman ini merupakan kemuncak bagi kisah perjalanan transformasi selama lebih dua tahun yang dipacu oleh [misi dan visi baharu](#) organisasi, selain input pasaran daripada pihak-pihak berkepentingan—pelajar, komuniti perniagaan, kakitangan dan jaringan keahlian global—serta dipercepatkan oleh pencapaian organisasi utama, termasuk pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif baharu, sambutan ulang tahun keseratus AACSB dan pengumuman [visi mencakupi seluruh industri](#) untuk pendidikan perniagaan.

"Dunia berubah pada kadar yang amat pesat, dan menjadi tugas kami sebagai pendidik untuk memimpin dan membentuk perubahan tersebut," kata Thomas R. Robinson, presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif AACSB. "Industri ini melihatnya suatu yang amat penting melalui pelancaran Visi Kolektif, dan sejak itu, momentumnya semakin dipertingkatkan. AACSB lebih tahu apa yang diperlukan untuk menyatukan industri dan memperlihatkan nilai, perkaitan dan impak pendidikan perniagaan—agar dapat disuarakan ke seluruh dunia dan dalam negara di rantau yang mendapat perkhidmatan kita."

Sepanjang 100 tahun sejarahnya, AACSB berkembang secara tekal bagi memperjuangkan pendidikan perniagaan berkualiti tinggi. Melalui strategi dan identiti baharu, AACSB berkembang melalui legasinya dari segi [akreditasi](#) untuk mengambil alih peranan "penghubung" global seluruh industri, menyatukan para ilmuwan terbaik dalam bidang pendidikan perniagaan—dan perniagaan—bagi mempersiapkan generasi pemimpin perniagaan masa depan.

"Ulang tahun keseratus AACSB merupakan satu detik kebanggaan dan refleksi," kata Santiago Iñiguez, pengerusi Lembaga Pengarah AACSB dan presiden IE University. "Titik perubahan ini didorong oleh keinginan untuk melakukan lebih lagi demi memenuhi keperluan masyarakat dan perniagaan yang berubah-ubah, mendekati pihak-pihak berkepentingan baharu dan memanfaatkan potensi tanpa had pada generasi pelajar akan datang. Jenama baharu kami memperlihatkan trajektori baharu ini, dan yang pertama daripada sekian banyak langkah yang diambil oleh organisasi untuk memenuhi komitmen kami yang bertapak kukuh dalam menghubungkan industri menerusi matlamat yang sama: mengubah pendidikan perniagaan demi kemakmuran dunia."

Diinspirasikan oleh [misi baharu](#) yang menumpu pada penglibatan, inovasi dan impak, serta visi baharu yang berani, AACSB akan terus mempertingkatkan portfolio perkhidmatan globalnya, di samping mengundang para pendidik dan penginovasi perniagaan terkemuka untuk menjadi sebahagian daripada gerakan ini melalui Majlis Pendidikan Perniagaannya. Contoh-contohnya termasuk:

- **Memupuk penglibatan dengan pendidik dan industri:** Melalui [Majlis Amalan Perniagaan](#) dan [persidangan Co-Lab](#), AACSB menghubungkan industri perniagaan dengan pendidik bagi membantu membentuk masa depan pendidikan perniagaan, mencipta semula ilmu pengetahuan dan berusaha bersama-sama bagi menangani keperluan perniagaan serta masyarakat. [Program Penghubung AACSB](#) menghubungkan para eksekutif kanan perniagaan ke bilik darjah sebagai fakulti terlatih, demi menyediakan akses kepada pelajar seluruh dunia terhadap maklumat dan amalan industri.
- **Mempercepat inovasi melalui cara pemikiran dan tindakan baharu, menjamin kejayaan perniagaan dan masa depan pemimpin perniagaan:** Menerusi acara-acara global seperti [ICAM 2017](#), [Persidangan Dekan AACSB](#), [seminar-seminar](#) berfokus topik dan melalui [majalah BizEd](#), para pemimpin industri berkongsi amalan terbaik dan juga perspektif

yang pelbagai. Cabaran [Inovasi Yang Menginspirasi](#) tahunan AACSB menonjolkan daya kreativiti dan kepintaran sekolah-sekolah perniagaan di seluruh dunia.

- **Memantapkan kesan, memperlihatkan sejauh mana sekolah-sekolah perniagaan bertindak sebagai pendorong kebaikan:** Melalui cabaran [Pemimpin Berpengaruh](#), AACSB mengiktiraf alumni daripada sekolah-sekolah yang diakreditasi yang memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dengan cara yang tersendiri dan memberi kesan, dan dengan berbuat demikian, menekankan peranan penting yang dimainkan oleh pendidikan perniagaan terhadap masyarakat. Laman sesawang [Sekolah-sekolah Perniagaan Terbaik](#) menyediakan sumber-sumber bagi membantu bakal pelajar mengkaji, memilih dan memohon program perniagaan terbaik demi membantu mereka mencapai cita-cita dalam kerjaya mereka.

"Pada masa kini, sekolah-sekolah perniagaan mendidik para pelajar untuk sebuah dunia yang masih belum wujud, dan tentang kehendak yang belum lagi diketahui," kata Robinson. "Selagi mana kami sebagai satu industri komited untuk mengubah diri sendiri, kita bersama-sama dapat mempersiapkan pemimpin masa kini dan masa depan untuk mendepani segala yang menantinya."

Latar Belakang AACSB International

Sebagai rangkaian pendidikan perniagaan terbesar dunia, AACSB International—The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB) menghubungkan para pendidik, pelajar dan perniagaan untuk mencapai satu matlamat yang sama: melahirkan generasi pemimpin masa depan yang hebat. Begitu sinonim dengan piawai kecemerlangan tertinggi sejak tahun 1916, AACSB memberi jaminan kualiti, perisikan pendidikan perniagaan dan perkhidmatan pembangunan profesional kepada lebih 1,500 organisasi ahli dan lebih 785 sekolah perniagaan diakreditasi di seluruh dunia. Menerusi ibu pejabat globalnya di Tampa, Florida, AS; ibu pejabat Eropah, Timur Tengah dan Afrika di Amsterdam, Belanda; dan ibu pejabat Asia Pasifik di Singapura, misi AACSB adalah untuk memupuk penglibatan, mempercepat inovasi dan memantapkan kesan dalam bidang pendidikan perniagaan. Untuk maklumat lanjut, sila layari aacsb.edu.

Logo - http://mma.prnewswire.com/media/492010/AACSB_International_Logo.jpg

HUBUNGI: Amy Ponzillo, Pengurus Kanan, Perhubungan Awam, AACSB International,
MediaRelations@aacsb.edu, +1 813 367 5238